

31/08/2003

Sambutan merdeka tanda terima kasih kepada pejuang

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PERNAH ditanya kepada seorang anak kecil, apa yang difahamkan mengenai erti kemerdekaan, dia hanya menjawab: "Nilah merdeka." (sambil mengibarkan Jalur Gemilang yang menjadi barang mainannya, apabila membeli gula-gula kecil yang diisi dalam saluran batang bendera Malaysia).

Tersenyum mendengar jawapan spontannya tetapi apabila difikirkan, sememangnya jawapan anak kecil ini tidak salah sama sekali. Biarpun hanya sebagai salah satu daripada barang mainannya, tetapi pengenalan kepada Jalur Gemilang ternyata secara tidak langsung memberi pendedahan bermakna kepada dirinya mengenai nilai bendera negara yang menjadi kebanggaan semua.

Tanpa kedamaian, keharmonian dan pembangunan negara yang dikecapi sekarang, anak kecil itu mungkin tidak dapat bermain dengan sebarang jenis permainan atau tidak dapat menikmati zaman kanak-kanaknya dengan girang.

Tanpa kebebasan dan kemerdekaan, anak kecil itu juga tidak akan kenal satu simbol negara yang mendokong maruah dan martabat bangsa, agama dan tanah air.

Sebagai generasi yang lahir selepas merdeka, hanya dengan tekad dan usaha mengekalkan nilai kemerdekaan ini sajalah yang mampu dilakukan sebagai ucapan terima kasih kepada pejuang-pejuang negara terdahulu.

Bagaimanapun, tahun ini mungkin memberi satu kelainan kepada seluruh rakyat Malaysia terutama bagi mereka yang 'belum sempat mengucapkan terima kasih' kepada pemimpin-pemimpin terdahulu.

Buat julung kalinya, rakyat Malaysia dapat memberi hadiah paling istimewa kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila perarakan sambutan Hari Kebangsaan ke-46 diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di Putrajaya.

Lokasi Putrajaya bagi upacara itu dilihat sebagai sesuatu yang strategik, memandangkan ia adalah satu lagi mercu tanda yang tercetus daripada kebijaksanaan pemimpin agung kita ini, bakal menjadi warisan serta simbol kemodenan negara.

Selepas 22 tahun menyumbang segala kudrat tenaga, masa dan sepenuh komitmennya kepada tanah air tercinta, sambutan kemerdekaan kali ini bukan sahaja sebagai bertujuan untuk "mengucap terima kasih" kepada Perdana Menteri tetapi secara tidak langsung, dilihat sebagai majlis pelancaran rasmi Putrajaya dan hadiah perpisahan kepada Dr Mahathir yang akan berundur Oktober ini.

Sambutan itu bakal diadakan di 'Malaysia 1981-2003', perarakan berwarna warni yang disertai lebih 12,000 peserta dan disaksikan lebih 300,000 rakyat berbilang kaum, akan memaparkan semua kejayaan yang dicapai negara sepanjang tahun perkhidmatan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Perarakan luar biasa dan bersejarah itu, akan menunjukkan kejayaan negara dalam pelbagai bidang seperti industri, pertanian, teknologi, pendidikan dan perpaduan serta keharmonian rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Boulevard sepanjang 4.7 kilometer (km) antara Bulatan Masjid Putra dan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) akan menjadi jalan utama perarakan.

Kerja-kerja menyiapkan Boulevard giat dan pantas dijalankan sejak beberapa bulan lalu, sebagai menghadapi persiapan upacara gilang gemilang ini.

Penganjur utama upacara itu - Perbadanan Putrajaya - dengan kerjasama semua agensi kerajaan dan syarikat swasta, sejak beberapa bulan lalu,

berhempas pulas menyiapkan segala persiapan bagi menjayakan upacara bersejarah berkenaan.

Sejak dua minggu sebelum tarikh 31 Ogos lagi, penduduk bandaraya berprestij ini sudah berasa kedaulatan Jalur Gemilang yang megah berkibar di seluruh Putrajaya.

Bukan itu sahaja, pelbagai program turut diatur sepanjang Bulan Kemerdekaan ini termasuk:

- \* Perasmian Taman Warisan Pertanian dan Pesta Makanan dan Buah-Buahan di taman berkenaan pada 16 Ogos.

- \* Pameran Sejarah Kemerdekaan Negara pada 30 Ogos hingga 1 September di Dewan Serbaguna Presint 16.

- \* Pameran dan Demonstrasi Kraftangan pada 29 Ogos hingga 1 September di Souq, Presint 1.

- \* Demonstrasi Masakan dan Jualan Kuih Muih Tradisional pada 30 Ogos hingga 31 Ogos di Taman Warisan Pertanian.

- \* Pekan Sehari pada 30 Ogos hingga 1 September di Dewan Serbaguna, Presint 16.

- \* Botani-Wetland Merdeka Cycle Hunt dari Taman Botani hingga Taman Wetland pada 30 Ogos.

- \* Sambutan Ambang Merdeka di Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya 1, Presint 8 pada 30 Ogos.

- \* Pertandingan Melukis dan Mewarna Sempena Hari Kebangsaan di Dewan Serbaguna Presint 8 pada 31 Ogos.

- \* Pameran Fotografi Tumbuh-Tumbuhan dan Serangga di Taman Botani pada 31 Ogos.

- \* Pertandingan Kereta Kawalan Jauh di Padang SMK Putrajaya 1, Presint 8 pada 31 Ogos.

- \* Pertandingan Memancing Putrajaya di Central Wetland pada 1 September.

Jika dilihat senarai program yang diatur khusus untuk penduduk di Putrajaya, segalanya pasti dapat mengeratkan lagi hubungan antara lapisan masyarakat.

Pastinya program sebegini tidak hanya terhad di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan tetapi seluruh negara bersama-sama menyambut hari bersejarah ini. Inilah yang menjadi aspirasi pemimpin kita sedari dulu - yakni melupakan perbezaan pendapat atau ideologi dan bersatu hati mengekalkan segala harta pusaka serta kejayaan yang dikecapi dewasa ini.

Sama ada aspirasi itu dapat kita tunaikan sebagai warga negara yang bertanggungjawab, tepuk dada tanya selera. Apa yang pasti, pemimpin-pemimpin agung kita sudah menjalankan tugas mereka dan kini, tiba masa bagi kita menunaikan pula tanggungjawab sebagai warga berguna, sebagai anak Merdeka.